

**Polis Tahan 7 Lelaki, 3 Wanita Ganggu Pelancaran Kempen Jalur Gemilang
Bernama
Julai 27, 2011**

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Polis menahan tujuh lelaki dan tiga wanita setelah mengganggu majlis pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di KL Sentral di sini Rabu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur Datuk Ku Chin Wah berkata semasa ditahan kira-kira 4 petang, kumpulan itu memakai baju berwarna kuning tanpa apa-apa perkataan sambil melaungkan reformasi.

"Tangkapan adalah bersabit laporan polis yang dibuat oleh Ketua Polis Daerah Brickfields ACP Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid tentang maklumat mengatakan sekumpulan pemuda berpakaian kuning akan membuat kacau," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata kesemua mereka yang ditahan itu akan dibebaskan selepas polis merekodkan rakaman percakapan masing-masing.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604362>